



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT No. 62,
75450 MELAKA

Pengarah : 06-2323782
Timbalan : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Peperiksaan : 06-2323780
Fax : 06-2320500

Ruj. Kami : JPM.SPP.PR.800-2/1 (30)
Tarikh : 25 Februari 2010

Kepada :

Guru Setiausaha Peperiksaan UPSR 2010

Melalui

Guru Besar
Sekolah Rendah Negeri Melaka

Ybhg. Datin / Tuan / Puan,

PENGUMPULAN DATA PENDAFTARAN UPSR 2010

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Sektor Penilaian dan Peperiksaan, Jabatan Pelajaran Melaka akan mengendalikan pengumpulan data pendaftaran UPSR 2010 pada ketentuan seperti berikut :-

Tarikh	Masa	Tempat	Kawasan
8 Mac 2010 (Isnin)	2.00 – 5.00 ptg	Bilik Gerakan PPD Jasin	Jasin
9 Mac 2010 (Selasa)	2.00 – 5.00 ptg	Makmal Komputer SK Merlimau 1	Merlimau
11 Mac 2010 (Khamis)	2.00 – 5.00 ptg	Makmal Komputer SK Bukit Beringin	Masjid Tanah
12 Mac 2010 (Jumaat)	2.45 – 5.00 ptg	Bilik Mesyuarat PPD Alor Gajah	Alor Gajah
15 Mac 2010 (Isnin)	2.00 – 5.00 ptg	Bilik Mesyuarat PPD Melaka Tengah	Bukit China & Ayer Keroh
16 Mac 2010 (Selasa)	2.00 – 5.00 ptg	Bilik Mesyuarat SK Pantai Kundor	Tanjung

3. Sehubungan dengan itu, Ybhg. Datin/tuan/puan diminta mengarahkan Setiausaha Peperiksaan sekolah tuan untuk menghadiri taklimat tersebut dengan membawa bersama-sama bahan-bahan berikut:-

- 3.1 Disket Data Pendaftaran
- 3.2 Cetakan Senarai Nama Calon
- 3.3 Borang Kawalan
- 3.4 Rumusan Matapelajaran
- 3.5 Borang Calon Cacat (Borang A, B dan C)

4. Ybhg. Datin/tuan/puan juga hendaklah memastikan pendaftaran pusat peperiksaan menggunakan No Pusat peperiksaan yang baharu seperti yang telah dimaklumkan dalam surat kami no rujukan JPM.SPP.PR.800-2/1(06) bertarikh 11 Januari 2010.

Kerjasama Ybhg. Datin/tuan/puan dalam hal ini sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(HAJI ABUBAKAR BIN HAJI AHMAD)
b.p Pengarah Pelajaran Melaka

s.k 1. PPD Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin
 2. Fail Penyelaras